

SUMBANGAN USTAZ WADI ANNUAR DALAM PENYEBARAN DAKWAH MELALUI MEDIA SOSIAL

Muhammad Aiman Bin Mohammad Rizal
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: 010-2585233 E-Mail: aimanrizal.@raudah.usim.edu.my

Muhammad Aiman Farhan Bin Mohd Din
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: 011-60544263 E-Mail: aimanfarhan879@raudah.usim.edu.my

Mohamad Zakwan Bin Mahamad Fazal
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: 019-3027741 E-Mail: zakwanfazal@raudah.usim.edu.my

Dr. Siti Mardhiyah Binti Kamal Azhar
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: 017-4993001 E-Mail: mardhiyah@usim.edu.com

Abstrak

Mohammad Wadi Annuar bin Ayub yang dikenali sebagai Ustaz Wadi Annuar merupakan tokoh agamawan yang sangat berpengaruh dalam media sosial seperti *youtube*, *facebook* dan *tiktok* seiring dengan algoritma zaman sekarang. Justeru, beliau menggunakan kepakaran dan pengalamannya untuk berdakwah secara berhemah dan bijaksana kepada khalayak yang berbeza-beza. Pendekatan ini dilihat sebagai satu wadah penting untuk berkomunikasi antara da'i dan mad'u. Hal ini akan memudahkan para pendakwah menyampaikan pesanan serta nasihat agama khususnya kepada golongan muda. Selain itu, penyusunan perancangan kaedah, strategi dan pengurusan yang baik adalah penting untuk menjamin keberkesanan dan kejayaan usaha dakwah tersebut. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan pengaruh beliau kepada masyarakat serta kaedah yang digunakan dalam menyampaikan dakwah terutamanya melalui media sosial. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif iaitu kajian melalui kepustakaan dan bahan-bahan rujukan. Hasil dari dapatan kajian menunjukkan bahawa method dakwah yang digunakan oleh beliau sangat memberi impak positif dan berkesan terutamanya kepada generasi muda.

Kata kunci: dakwah, media sosial, Ustaz Wadi Annuar, pengaruh

1. Pendahuluan

Islam adalah agama dakwah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh manusia untuk kesejahteraan, keselamatan dan petunjuk manusia di dunia dan akhirat, sebagaimana firman Allah SWT melalui ayat 104 Surah Ali-`Imran bermaksud: "Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

Dalam era modenisasi, sukar bagi setiap individu untuk memisahkan diri daripada teknologi, tidak kira umur, jantina mahupun profesion. Setiap orang memiliki sekurang-kurangnya satu peranti, sama ada telefon bimbit, komputer riba atau televisyen. Ini kerana kebanyakan sumber untuk mendapatkan data, maklumat dan rujukan terkini lebih mudah didapati hanya dengan menggunakan hujung jari, iaitu menggunakan peranti elektronik.

Ramai orang mengambil kesempatan menerusi media sosial sebagai saluran untuk mengembangkan perniagaan sedia ada mereka. Ada juga yang mengambil peluang ini untuk berkongsi ilmu sebagai guru melalui platform seperti *YouTube* dan *Tiktok*. Ini memudahkan untuk mencari sumber rujukan dan cara untuk menyelesaikan masalah. Selain guru, pemimpin agama juga telah mengambil inisiatif ini untuk mengembangkan dan berkongsi dakwah mereka secara dalam talian.

Justeru, kajian yang dijalankan adalah berkenaan dengan sumbangan seorang tokoh agamawan yang terkemuka di tanah air iaitu Ustaz Wadi Annuar dalam penyebaran dakwah melalui media sosial. Nama sebenar beliau ialah Mohammad Wadi Annuar Bin Ayub. Beliau dilahirkan pada 20 September 1983 bersamaan 12 Zulhijjah 1403H di Kota Kuala Muda, Kedah, kini berusia 41 tahun dan memiliki kelulusan Syariah dan Bahasa Arab, dari Institut Fatah Islami, Damsyik, Syria. Beliau merupakan penceramah bebas yang aktif dalam kegiatan dakwah dan juga kebajikan sesama muslim.

Seiring dengan perkembangan semasa, ramai para pendakwah mula mengamalkan kaedah penyampaian atau penyebaran dakwah menerusi media sosial. Hal ini dapat memudahkan pengguna media sosial untuk menonton setiap siri dakwah yang dimuatnaik. Ustaz Wadi Annuar juga tidak terkecuali menggunakan platform media sosial sebagai wadah dakwah seperti *Youtube*, *Facebook*, *Tiktok* dan *Instagram*. Antara video dakwahnya yang mendapat perhatian ramai di media sosial adalah tentang akhir zaman, akhirat dan sirah Rasulullah. Beliau juga telah menerbitkan karya pertamanya bertajuk "Jika umat ini hidup seperti Umar Al-Khattab".

2. Kajian Literature

Mendepani dunia tanpa sempadan, media sosial telah menjadi satu platform yang penting untuk berkomunikasi dan menyampaikan dakwah. Kebanyakan pendakwah Islam pada hari ini memanfaatkan media sosial sebagai peluang untuk menyebarkan ilmu mereka kepada masyarakat (Herawati, 2021). Melalui medium ini, penyampaian seperti ceramah, kuliah dan nasihat dapat disebarluaskan secara meluas dan tanpa had.

Justeru, menurut pendapat (Zakariya dan Muhammad, 2013) yang bertajuk "Media Sebagai Wasilah Dakwah" menjelaskan bahawa dakwah dalam konteks masa kini haruslah lebih praktikal. Para pendakwah mestilah menggunakan kesemua uslub dan wasilah yang ada pada hari ini dalam usaha mengembangkan Islam kepada umum. Menurut beliau, cara menyebarkan dakwah perlulah fleksibel dengan peredaran semasa. Penggunaan media sebenarnya telah lama wujud dalam Islam dan ia telah muncul sejak zaman Rasulullah SAW. Sebagai contoh, al-Quran mendatangkan cerita-cerita zaman dahulu yang boleh digambarkan seperti jalan cerita sebuah drama. Rasulullah juga menugaskan beberapa sahabat yang berseni dalam syair menggunakan syair tersebut dalam penyebaran dakwah agama Islam dan membalas tomanan kepada para kaum musyrikin ketika perang Bani Quraizah "Seranglah kaum Musyrikin (dengan syairmu), kerana Jibril bersamamu" (al-Bukhari, no. 6153 dan Muslim no. 2486). Ini kerana syair boleh dianggap sebagai media utama masyarakat Arab ketika itu.

Rasidah Ahim (2020) dalam penulisan beliau bertajuk "Dakwah Islamiah Mendepani Cabaran Revolusi Industri 4.0" menyatakan bahawa medium dakwah hari ini perlulah dinamik dan berevolusi. Beliau turut mengupas mengenai cabaran yang berlangsung dalam menyampaikan dan menyebarkan dakwah Islamiah melalui era revolusi 4.0. Penulisan ini menunjukkan bahawa dakwah menurut Zulkiple Abd. Ghani (2000) ialah satu proses yang dinamik, sentiasa

bergerak bersama perubahan persekitaran tetapi tetap mengekalkan hala tuju yang jelas iaitu membawa dan membimbing manusia mengenali keesaan Allah S.W.T dalam mengatur setiap inci perjalanan kehidupan.

Muh dan Taufik Hidayat (2020) dalam penulisan beliau menyatakan tentang strategi dakwah di media sosial. Penulisan ini, membincangkan mengenai konsep dakwah menurut Islam dan peranan media sosial dalam penyebarannya. Selain itu, ia juga banyak menerangkan bahawa pendakwah perlulah bijak dalam menggunakan kelebihan media sosial seiring dengan kemajuan teknologi hari ini.

Dalam sebuah penulisan yang bertajuk “Pemanfaatan Aplikasi Tiktok Sebagai Media Dakwah Terhadap Generasi Z” yang ditulis oleh Robby Aditya Putra, Exsan Adde dan Maulida Fitri (2023) menyatakan bahawa zaman era digital ini mudah tersebar dengan cepat di aplikasi *Tiktok*, *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Justeru itu, sebagai generasi Z perlulah menggunakan media sosial dengan betul dan memberi manfaat kepada orang lain. Maka dapat disimpulkan bahawa dakwah menerusi *Tiktok* merupakan antara dakwah moden yang inovatif dalam menarik perhatian para pengikut media sosial.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian melalui pengumpulan data yang diambil dari bahan perpustakaan seperti buku, akhbar, dan jurnal-jurnal ilmiah yang berkaitan dengan strategi dakwah dalam media sosial dan kesan serta kaedah yang disampaikan. Selain itu, analisis isi juga dilakukan menerusi rakaman video ceramah yang telah dimuat naik oleh Ustaz Wadi Annuar di akaun rasmi *Facebook*, *Youtube* dan *Instagram* milik beliau yang dinamakan sebagai “Ustaz Wadi Annuar Official” sama ada berbentuk visual, audio, video mahupun secara langsung.

Media sosial menjadi faktor penting dalam proses komunikasi pada hari ini, ia juga berperanan sebagai saluran bagi menyampaikan idea, maklumat, dan mesej dakwah. Justeru, ia bukan hanya sekadar medan menyebarkan maklumat sahaja, bahkan menjadi tempat untuk hiburan, penyebaran dakwah, perkongsian pengetahuan dan sebagainya secara atas talian.

Dakwah yang berkesan memerlukan kaedah, cara, pendekatan atau strategi penyampaian dakwah yang bersesuaian dengan golongan sasaran. Ini adalah kerana hala tuju dakwah adalah jelas iaitu membimbing manusia untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat melalui rahmat dan kasih sayang Allah S.W.T. Begitu jugalah objektif dakwah Ustaz Wadi Annuar membuat konten di Media Sosial supaya lebih ramai masyarakat memperoleh kesedaran apabila mendengar kuliah beliau terutama sekali berkaitan dunia akhir zaman dan hari akhirat yang mana tajuk kuliah tersebut adalah tajuk yang beliau fahami dengan mendalam.

Kesimpulannya, berdasarkan bahan rujukkan, penelitian dan pemerhatian yang di buat, Ustaz Wadi Annuar merupakan seorang tokoh yang banyak memberi kesan positif kepada masyarakat di dalam Media Sosial. Pendakwah ini banyak memberi sumbangan kepada masyarakat dengan menghasilkan video yang memberi kesedaran berkaitan agama. Banyak orang yang tertarik dengan cara penyampaian beliau di aplikasi media masa terutama sekali ceramah yang berkaitan dunia akhir zaman dan kehidupan selepas kematian.

4. Perbincangan:

Menganalisis Kesan Dakwah Ustaz Wadi Annuar Dan Pengaruh Terhadap Masyarakat.

Dakwah menggunakan medium media sosial semakin diterima baik oleh anggota masyarakat, namun terdapat segelintir individu “bagaikan menconteng arang ke muka sendiri” dengan merosakkan imej agama melalui penggunaan bahasa yang kurang sopan. Jelaslah bahawa, kebaikan dan keburukan penggunaan medium sosial bergantung kepada individu itu sendiri. Sebaliknya, berbeza pula dengan Ustaz Wadi Annuar yang menggunakan medium ini sebagai kaedah dengan memberi kesan positif kepada masyarakat kerana beliau menggunakan tutur kata yang baik, jelas, dan mudah di fahami oleh semua golongan dan lapisan masyarakat. Hal ini dapat dibuktikan dengan penambahan pengikutnya di media sosial sebagai contoh di saluran *Youtube* yang bernama Ustaz Wadi Annuar Official telah meningkat dari semasa ke semasa yang kini telah mencecah 713,000 ribu pelanggan. Selain itu, untuk akaun *Instagram* milik beliau pula telah mencecah 1.2 juta pengikut, dan untuk akaun *Tiktok* telah mencecah 2.4 juta. Perkara ini menunjukkan kesan positif kerana ramai orang tertarik mendengar ceramah beliau dan dapat memberi kesedaran berkaitan agama kepada ramai orang terutama kesedaran berkaitan persediaan untuk menghadapi dunia akhir zaman dan menghadapi hari akhirat yang akan dihadapi oleh semua umat manusia.

3.1 Kaedah dakwah yang digunakan oleh Ustaz Wadi Annuar:

Ustaz Wadi Annuar menerapkan kaedah yang bersandarkan dalil al-Quran surah al-Nahl ayat 125 iaitu, *al-hikmah* (hikmah), *al-mauidzoth al-hasanah* (nasihat yang baik) dan *al-mujadalah* (berbincang dengan cara yang baik) ketiga-tiga kaedah ini diterapkan dalam ceramah, kuliah dan sebagainya.

أُدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِ لَهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ (١٢٥)

Maksud: Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik serta debatlah mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang paling tahu siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dia (pula) yang paling tahu siapa yang mendapat petunjuk.

1.1.1 *al-Hikmah*

Kalimah *al-hikmah* ini telah disebut sebanyak 20 kali dalam Al-Quran yang bermaksud pengetahuan yang dibawa oleh para nabi. Selain itu, perkataan *al-Hikmah* mempunyai banyak maksud yang terdapat dalam beberapa kamus dewan bahasa Edisi keempat, kata *al-Hikmah* dimaksudkan sebagai *al-Adl* (keadilan), *al-Hilm* (kesabaran dan ketabahan), *al-Ilm* (ilmu pengetahuan), pemikiran atau pendapat yang baik, *al-Haqq* (kebenaran), meletakkan sesuatu pada tempatnya, kebenaran sesuatu, mengetahui sesuatu yang paling utama dengan ilmu yang paling utama. Kaedah ini perlulah disampaikan secara berhikmah supaya manusia dapat menerima dakwah dan teguran yang disampaikan.

Menurut sarjana muslim-Ibnu Rushd-dakwah dengan *al-Hikmah* ialah dakwah dengan pendekatan substantif yang membawa kepada falsafah dengan nasihat yang baik bermaksud retorik memberi berkesan dan popular, serta argumentatif atau dialektik yang unggul. Kaedah ini adalah kaedah dakwah yang menggunakan kebijaksanaan dan menggunakan perkataan atau makna yang sesuai dengan suasana dan keadaan berdasarkan tajuk yang dibincangkan.

Menurut Imam Abdullah bin Ahmad Mahmud al-Nasafi, dakwah *al-Hikmah* ialah dakwah menggunakan perkataan yang benar dan tertentu iaitu dalil yang menjelaskan kebenaran dan menghilangkan keraguan. Justeru itu, penyampaian Ustaz Wadi Annuar menerapkan di dalam dakwahnya unsur *al-AHikmah* dengan menggunakan pelbagai intonasi nada mengikut isu-isu yang dikupas. Sebagai contoh, isu dari sudut aqidah, fiqh dan sebagainya. Oleh demikian, penyampaian beliau sangat menarik kerana beliau bijak menggunakan kelebihan yang ada sehinggakan nama beliau menjadi antara penceramah yang terkemuka di Malaysia.


1.1.2 *al-Mauidzoth al-Hasanah* (nasihat yang baik)

Al-Mauidzoth al-Hasanah bermaksud memberi nasihat yang baik kepada orang. Justeru, kaedah dakwah yang beliau aplikasikan dalam dakwah berusurkan *Al-Mauidzoth al-Hasanah* kepada pendengar dan tidak melakukan sindiran atau celaan ketika beliau menyampaikan isi kuliah di mana jua. Hasil daripada penerapan kaedah ini, penyampaian beliau dapat diterima ramai pihak sama ada netizen di media sosial mahupun jemaah yang hadir ke kuliah beliau secara bersemuka.

1.1.3 *al-Mujadalah bi-allati hiya ahsan* (berbincang dengan cara yang baik)

Akhir sekali, kaedah *al-Mujadalah bi-allati hiya ahsan* yang bermaksud berbincang dengan cara yang baik. Beliau sentiasa menerapkan kaedah ini di mana ketika beliau berceramah disediakan ruang kepada para pendengar mahupun penonton untuk bertanya soalan-soalan yang tidak difahami yang menjadi kemusykilan di fikiran mereka di dalam sesi soal jawab tersebut.

Kebiasaannya, sesi soal jawab berlaku selepas beliau memberi ceramah mahupun kuliah. Manakala di dalam media sosial terdapat ruang komen untuk masyarakat mengajukan soalan berkaitan sesuatu topik yang diutarakan. Pada sesi ini juga, beliau akan menggunakan kaedah *al-Mujadalah* sehingga persoalan tersebut dapat dijawab dengan betul berdasarkan fakta-fakta ilmiah.



<https://ustazwadiannuar.com>

Rajah 1.0

Menurut gambar rajah 1.0 di atas, menunjukkan laman rasmi beliau yang memaparkan aktiviti dakwahnya mengikut bulan semasa. Tambahan pula, di laman rasmi tersebut turut memaparkan pelbagai jenis media sosial rasmi yang lain digunakannya untuk berdakwah.

Ustaz Wadi juga meraih pengikut yang ramai hasil daripada dakwah beliau. Sebagai contoh, *Instagram*, *Facebook* dan *Tiktok* telah meraih pengikut lebih daripada satu juta pengikut yang mendengar ceramah beliau. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa dakwahan beliau sangat relevan dan dapat diterima oleh masyarakat pada hari ini.

5. Kesimpulan

Media sosial mempunyai banyak kelebihan dan kekurangan. Samada betul atau salah dalam menggunakannya terletak di tangan pengguna itu sendiri. Dakwah di media sosial juga membawa banyak manfaat dan kelebihannya yang berkesan iaitu penyampaian maklumat tanpa had tanpa sempadan antara ruang dan masa. Sepertimana yang dilakukan oleh Ustaz Wadi Annuar seorang pendakwah mampu untuk berdakwah di media sosial. Oleh itu, maklumat dan pengetahuan yang disebarkan melalui rangkaian sosial boleh sampai kepada sesiapa sahaja dan dimana-mana sahaja, asalkan mereka mempunyai akses kepada Internet. Dari segi kosnya lebih murah, umat Islam seharusnya menguasai dan memanfaatkan sepenuhnya teknologi komunikasi serta menggunakan jaringan sosial sebagai wadah dakwah dengan pelbagai kaedah yang lebih efisien untuk berdakwah.

6. Rujukan

- Ab Ghani, A. (1996). *Institusi Dakwah Dan Persekitarannya dalam Membentuk Strategi Dakwah yang berkesan*.
- Abdul Wahab, N. (2020). *Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Masa Kini* (Social Media as a Medium Dakwah Nowadays).
- Bastomi, H. (2016). Dakwah bi al-hikmah sebagai pola pengembangan sosial keagamaan masyarakat. *Jurnal Ilmu Dakwah*, 36(2). <https://doi.org/10.21580/jid.v36.2.1776>
- Muhammad, A., Ibrahim, S., & Rahman, N. (2024). Application of Islamic ethics in governance: A study of Syariah principles in Malaysian administration. *Journal of Advanced Islamic Humanities and Interdisciplinary Studies*, 2(1), 45–58. <http://jaihi.usas.edu.my/index.php/JAIHI/article/view/28>
- GP, M. (2021, 11 21). *Illuminasi*. Retrieved from <https://iluminasi.com/bm/biodata-penceramah-agama-ustaz-wadi-annuar.html>
- Putra, R. A., Adde, E., & Fitri, M. (2023). Media dakwah TikTok untuk generasi Z. *Ath-Thariq: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 7(1), 58-71. <https://doi.org/10.32332/ath-thariq.v7i1.6410>
- Saudi, I. (2010). *Penerimaan Remaja Terhadap Unsur-Unsur Dakwah Dalam Drama Tv1*.
- Silbia, M. (2019). *Strategi Content Creator pada Dakwah Di Media Sosial*.